

29 JUL 2003

I

PERADUAN UNTUK PROMOSI "BRUCE ALMIGHTY" DIHENTIKAN

KUALA LUMPUR, 29 Julai (Bernama) -- Stesen radio swasta berbahasa Inggeris MIX FM telah memberhentikan penyiaran satu peraduan bagi mempromosikan filem terbaru lakonan aktor Hollywood Jim Carrey bertajuk "Bruce Almighty", kata seorang pegawai kanan syarikat yang mengendalikan stesen radio berkenaan.

Pengarah Eksekutif Airtime Management and Programming Sdn Bhd Borhanuddin Osman berkata peraduan selama lima hari itu berakhir pada 25 Julai.

"MIX FM tidak mempunyai niat langsung untuk menyinggung sensitiviti budaya atau agama mana-mana pihak dengan menganjurkan peraduan itu," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Peraduan itu diadakan sempena usaha pengedar filem terbabit, Buena Vista International bagi mempromosikan tayangan filem berkenaan di negara ini.

Akhbar-akhbar hari ini melaporkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdul Hamid Zainal Abidin, menggesa sebuah stesen radio swasta agar memberhentikan penyiaran peraduan itu bagi mempromosikan filem terbabit.

Para peserta peraduan itu ditanya soalan, "sekiranya anda menjadi tuhan, apakah yang akan anda lakukan?," yang bertentangan dengan ajaran Islam kerana manusia tidak seharusnya menyamakan dirinya dengan Tuhan yang Maha Berkuasa.

-- BERNAMA

HM HM ROS